

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Skim Takaful Gadaijanji Berkumpulan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)

TAKAFUL IKHLAS BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Skim Takaful Gadaijanji Berkumpulan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

Tarikh : dd/mm/yyyy

1) Produk apakah ini?

Produk ini memberi perlindungan ke atas Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh kepada Peserta (yang merupakan peminjam) bagi jumlah baki pembiayaan yang disediakan oleh **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**.

2) Apakah konsep Shariah yang digunapakai?

Tabarru' – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko.

Wakalah – bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta di mana Peserta melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah.

3) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Manfaat	Keterangan
Kematian	<p>Semasa kematian Peserta, perlindungan takaful ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyelesaikan baki hutang pembiayaan kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam berdasarkan Jumlah Perlindungan Menyusut seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu. Membayar Manfaat Perbelanjaan Pengkebumian seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu kepada waris Peserta. <p>Di samping itu, baki di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada, akan dibayar kepada waris Peserta.</p>
Keilatan Kekal dan Menyeluruh	<p>Sekiranya Peserta mengalami Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) seperti yang ditakrifkan di dalam Sijil Induk, pihak Syarikat akan membayar manfaat Pra-TPD sepertimana yang tercatat di dalam Sijil Takaful Individu.</p> <p>Sekiranya selepas tempoh enam (6) bulan, Peserta disahkan mengalami Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD), pihak Syarikat akan membayar Jumlah Perlindungan Menyusut seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Perlindungan Menyusut kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.</p> <p>Di samping itu, baki di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada, akan dibayar kepada Peserta.</p> <p>Jumlah maksimum perlindungan TPD boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Peserta haruslah tidak melebihi RM2,000,000.</p> <p>Manfaat TPD akan tamat dengan sendirinya apabila Peserta mencapai umur maksimum perlindungan iaitu 65 tahun (ulang tahun kelahiran berikutnya).</p>

Matang	Pada waktu Sijil matang, Peserta akan menerima baki PRIA, jika ada.
Penyerahan	Pada waktu penyerahan Sijil, Peserta akan menerima baki PRIA, jika ada.

4) Berapakah jumlah Caruman Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Caruman Takaful yang anda perlu bayar akan bergantung kepada jumlah pembiayaan yang dipohon. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang akan mempengaruhi jumlah Caruman Takaful seperti Umur Kemasukan, Jumlah Pembiayaan, Kadar Keuntungan, Tempoh Pembiayaan dan Tempoh Interim. Contohnya:

- Umur Kemasukan : 43 tahun
- Jumlah Pembiayaan : RM350,000
- Kadar Keuntungan : 4.00% p.a.
- Tempoh Pembiayaan : 32 tahun (termasuk tempoh interim)
- Tempoh Interim : 2
- **Caruman Takaful** : **RM50,621**

Kadar tersebut mengandaikan bahawa Peserta tiada masalah/ tabiat yang mungkin memerlukan Caruman Takaful tambahan.

5) Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Jenis	%
Yuran Wakalah*	25% dari Jumlah Caruman Takaful atau RM12,655.25
Komisyen	10% dari Jumlah Caruman Takaful atau RM5,062.10
Duti Setem**	RM10.00

* Yuran Wakalah adalah termasuk komisyen.

** Duti Setem hanya akan dikenakan ke atas Sijil Induk Takaful sahaja.

6) Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- Penyerahan Hak Sijil Individu - Oleh kerana Sijil Individu ini dikeluarkan di bawah Skim Sijil Takaful Gadaijanji Berkumpulan bersama Pemegang Sijil Induk yang dinyatakan pada Sijil Induk yang juga merupakan Peserta, oleh itu penyerahan hak tidak dibenarkan di bawah Sijil Induk ini.
- Keuntungan pelaburan daripada PRIA , jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta (melalui PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh menolak Yuran Prestasi Pelaburan kurang daripada 30%.
- Tempoh Bertenang (Hak Untuk Pembatalan) - Dengan syarat notis bertulis telah diberikan terlebih dahulu oleh Peserta, dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful ini diterima, Peserta boleh memulangkan Sijil ini kepada Syarikat dan Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya dan pemulangan Caruman Takaful pula akan dibuat setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat (jika ada). Selepas pemulangan Sijil kepada Syarikat dan pembatalan dibuat oleh Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh pengeluarannya.
- Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Caruman Takaful yang telah dibuat.

- Sekiranya anda tidak menerima Sijil selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas di tolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta.
- Tempoh Perlindungan dan Tempoh Pembiayaan adalah termasuk Tempoh Interim, jika ada. Pihak syarikat akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh di dalam Tempoh Perlindungan.

Nota: *Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil.*

7) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil ini?

a) Pengecualian Bagi Kematian

Jika Peserta, samada waras atau tidak, membunuh diri di dalam tempoh satu (1) tahun bermula pada tarikh Sijil Individu berkuatkuasa, meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, tiada manfaat akan dibayar.

b) Pengecualian Bagi Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Sijil ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang keilatan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu kejadian yang berikut:

- mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak; atau
- perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam; atau
- memasuki, mengendali atau menyelenggarakan atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Peserta berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- jika Peserta didapati dijangkiti oleh virus HIV atau AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual; atau
- semasa Peserta berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar; atau
- jika Peserta mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah; atau
- jika Peserta didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kuasa atau keganasan dan/atau ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan, dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan.

Nota : *Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil.*

8) Bolehkah Sijil ini dibatalkan?

Jika terdapat Peserta yang ingin membatalkan Sijil ini, notis bertulis, Sijil Takaful Gadaijanji Berkumpulan yang asal dan bukti pelepasan tuntutan daripada Penerima Pemberian hendaklah dikemukakan kepada pihak Syarikat. Baki di dalam PRIA termasuk lebihan (jika ada), ditolak segala perbelanjaan berkaitan akan dipulangkan kepada Peserta.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat/alamat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Cawangan Putrajaya,
Takaful Ikhlas Berhad
Aras 1, Blok Selatan,
Perbendaharaan 2, Kompleks Kementerian Kewangan,
No.7, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya.
Tel: +603 8890 3100
Faks: +603 8890 5100
Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my
E-mel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

IKHLAS Mortgage Reducing Term Takaful

NOTA PENTING :

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang disediakan dalam helaian keterangan ini adalah sah pada dd/mm/yyyy